

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 28 July 1968 > Page 1 > Harapan baru untuk 13: Tengku akan merayu...

Harapan baru untuk 13: Tengku akan merayu...

Berita Harian, 28 July 1968, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL5513

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Harapan baru untuk 13: Tengku akan merayu...

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman sendiri akan memohon supaya di-ringankan hukuman ka-atas 13 orang pemuda yang telah dihukum bunuh dan yang sekarang ini menunggu tali gantong di-Penjara Pudu.

Rayuan2 itu akan di-buat kapada Sultan Johor dan Raja Muda Perak serta Lembaga2 Pengampunan kedua negeri itu.

Sa-ramai 11 orang pemuda itu dari Johor telah d.-hukum kerana bershubahat dengan Indonesia dalam masa konfrantasi.

Dua orang lagi ia-lah pemuda2 Me.aya dari Perak: Mohamad Noor atau Timbul b.n Lozi, 24 tahun, dan Mohammad Sidin bin Mohamad Noor, 27 tahun.

Rayuan kapada Raja Muda Perak sa-laku Ke-

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
28 July 1968Reel Number:
NL5513

Scroll to Top

Share

Table of Contents

< Previous

Page 1 ▾

Next >

Nama Akhbar

BERITA MINGGU NASKHAH MALAYSIA No. 418
AHAD. 28 JULAI. 1968 3 JAMAD'L-AWAL, 1388 15

UMNO Melaka krisis

UMNO Melaka krisis 80 Chawangan enggan k-sama
dengan Ghatar Oleh SALIM KASSIM jyyELAKA, Sabtu.

NOTA BARU MANILA TAK BERASAS

NOTA BARU MANILA TAK BERASAS MALAYSIA
SANGKAL 4 PERKARA YANG KONON-NYA DI-

View Full Table of Contents >

dua majlis Raja Perak kerana Sultan Perak sekarang berada di-luar negeri.

Raja Muda

Tengku telah menyampaikan surat rayuan-nya kepada Feguam Negara Tan Sri Kadir Yusof untuk di-serahkan sendiri kepada Sultan Jchor.

Surat rayuan Tengku seperti itu akan di-kirim kepada Raja Muda Perak.

Tan Sri Kadir hari ini berkata bahawa Tengku sejak balek dari luar negeri telah di-hubongi oleh sa-bilangan besar warga negara yang meminta it menggunakan jasa baik bagi pehak 13 orang pemuda itu.

Peribadi

Tengu, kata-nya, telah mengkaji dengan teliti hal itu dan memutuskan untuk membuat rayuan itu atas nama-nya sendiri kepada Sultan kedua negeri dan Lembaga Pengampunan masing2.

Alasan2 Tengku ia-lah bahawa kesemua 13 orang itu maseh muda, konfrantasi telah tamat dan mereka telah terlalu lama menderita selama tiga tahun kerana lambat keputusan atas rayuan mereka kepada Privy Council.

Kalau berhasil rayuan Tengku itu, hukuman kesemua-nya akan menjadi hukuman penjara saumur hidup.

Related Articles

No related article found.

